

CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBELAJARAN TAHFIZ ERA DIGITAL DI SEKOLAH RENDAH TAHFIZ AL-QURAN INTEGRASI AL-IRSHAD

[CHALLENGES FACED BY ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN TAHFIZ LEARNING IN THE DIGITAL ERA AT SEKOLAH RENDAH TAHFIZ AL-QURAN INTEGRASI AL-IRSHAD]

SITI MAHFUDZOH MOHD HAFIZ^{1*} & MOHD ISA HAMZAH¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p134035@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 May 2025

Accepted: 26 June 2025

Published: 18 July 2025

Abstrak: Transformasi pendidikan digital menuntut pendekatan baharu dalam pengajaran tahfiz al-Quran terutamanya dalam kalangan guru di institusi pendidikan rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam mengintegrasikan teknologi digital dalam pengajaran tahfiz al-Quran di Sekolah Rendah Tahfiz al-Quran Integrasi Al-Irshad. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan pengumpulan data melalui temubual separa berstruktur bersama tiga orang guru Pendidikan Islam yang terlibat secara langsung dalam pengajaran tahfiz. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tema bagi mengenal pasti corak dan isu utama berkaitan cabaran penggunaan teknologi dalam konteks pengajaran tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi beberapa cabaran utama termasuk kekangan teknikal seperti kekurangan peranti dan capaian internet yang tidak stabil, cabaran pedagogi dalam menyesuaikan kaedah hafazan dengan teknologi, cabaran psikososial melibatkan motivasi pelajar serta kekurangan latihan profesional berkaitan teknologi pendidikan. Kajian ini mencadangkan agar sokongan infrastruktur, latihan berkala dan pembangunan profesional berterusan diberikan kepada guru bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengajaran tahfiz digital dalam era pendidikan moden.

Kata Kunci: Pengajaran Tahfiz Digital, Teknologi Pendidikan, Cabaran Guru, Analisis Tema, Pendidikan Islam.

Abstract: The transformation of digital education demands new approaches in the teaching of Quranic memorization (tahfiz), particularly among educators at the primary level. This study aims to identify the key challenges faced by teachers in integrating digital technology into the teaching of tahfiz al-Quran at Sekolah Rendah Tahfiz al-Quran Integrasi Al-Irshad. Employing a qualitative case study design, data were collected through semi-structured interviews with three Islamic Education teachers actively involved in tahfiz instruction. Thematic analysis was used to analyse the data and identify patterns and core issues related to the use of technology in tahfiz teaching. The findings revealed several major challenges including technical constraints such as limited access to devices and unstable internet connectivity, pedagogical difficulties in adapting traditional memorization methods to digital platforms, psychosocial issues affecting student motivation, and a lack of professional training in educational technology. The study highlights the need for improved infrastructure, continuous training, and professional development support to ensure the effective implementation of digital tahfiz instruction in the modern educational landscape.

Keywords: Digital Tahfiz Teaching, Educational Technology, Teacher Challenges, Thematic Analysis, Islamic Education

Cite This Article:

Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz & Mohd Isa Hamzah. (2025). Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Tahfiz Era Digital Di Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi Al-Irshad [Challenges Faced By Islamic Education Teachers In Tahfiz Learning In The Digital Era At Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi Al-Irshad]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 72-81.

PENGENALAN

Pengajaran al-Quran merupakan salah satu elemen utama dalam pendidikan Islam yang telah diamalkan sejak berabad lamanya. Di Malaysia, sistem pendidikan tahfiz telah melalui pelbagai perubahan khususnya dengan kemunculan teknologi digital yang semakin mengubah landskap pendidikan. Dalam konteks pendidikan Islam terutamanya tahfiz, terdapat keperluan yang mendalam untuk mengintegrasikan teknologi bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dengan adanya revolusi Industri 4.0 (Ab. Halim Tamuri, 2020). Pendidikan tahfiz tidak lagi hanya terhad kepada kaedah tradisional seperti *talaqqi musyafahah* tetapi turut melibatkan pelbagai alat digital untuk membantu proses hafazan serta menjadikannya lebih fleksibel dan interaktif.

Kajian oleh Mohd Faiz dan Ramlah (2021) menunjukkan bahawa penggunaan platform digital seperti *YouTube*, *Google Classroom*, *Quizziz* dan *Canva* bukan sahaja membantu mengukuhkan pengajaran tetapi juga memberi peluang kepada guru-guru untuk meningkatkan kreativiti dalam menyampaikan pengajaran tahfiz. Oleh itu, era digital membuka ruang bagi para guru untuk lebih berinovasi dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih menarik dan efisien. Walau bagaimanapun seperti mana-mana inovasi dalam pendidikan, penggunaan teknologi dalam pengajaran tahfiz tidak terlepas dari pelbagai cabaran.

Menurut Norazah Nordin et al. (2022), pelaksanaan pembelajaran dalam era digital memerlukan guru yang celik teknologi, kreatif, dan berupaya mengadaptasi penggunaan sumber dalam talian. Namun cabaran-cabaran utama tetap wujud, khususnya di peringkat sekolah rendah. Di Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi Al-Irshad, walaupun terdapat usaha untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran tahfiz masih banyak cabaran yang masih memberi impak kepada keberkesanan pembelajaran. Ini termasuklah kekurangan peranti teknologi yang mencukupi, capaian internet yang tidak stabil, masalah disiplin pelajar dalam pembelajaran dalam talian serta kekurangan latihan profesional dalam bidang teknologi pendidikan. Salah satu cabaran yang signifikan ialah kekurangan peranti teknologi yang mencukupi untuk setiap pelajar menyebabkan ketidakseimbangan dalam akses pembelajaran. Selain itu, masalah capaian internet yang tidak stabil terutamanya di kawasan luar bandar memberi impak besar kepada kelancaran pembelajaran dalam talian. Isu disiplin juga menjadi hambatan yang besar di mana pelajar yang mengikuti pembelajaran secara jarak jauh sukar dikawal berbanding dalam pengajaran bersemuka. Lebih penting lagi, ramai guru masih kekurangan latihan yang mencukupi dalam teknologi pendidikan seterusnya membatasi kemampuan mereka dalam memanfaatkan sepenuhnya alat digital yang sedia ada (Mohd Faiz & Ramlah, 2021).

KAJIAN LITERATUR

Integrasi teknologi dalam pendidikan tahfiz al-Quran merupakan satu topik yang semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan Islam terutama dengan perkembangan pesat dalam Revolusi Industri 4.0. Era digital yang membawa kemajuan dalam bidang teknologi telah memberi peluang untuk merubah landskap pendidikan termasuk dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran tahfiz menjanjikan kepelbagaian manfaat antaranya meningkatkan interaktiviti, fleksibiliti, dan kemudahan akses kepada sumber pengajaran. Namun, penggunaan teknologi dalam pendidikan tahfiz tidak boleh dilakukan secara sembarangan kerana ia perlu diimbangi dengan kaedah pengajaran tradisional yang telah terbukti berkesan selama ini.

Menurut Nawawi et al. (2018), walaupun penggunaan teknologi dalam pendidikan tahfiz menawarkan pelbagai kelebihan, ia tidak seharusnya mengabaikan kepentingan kaedah tradisional seperti *talaqqi musyafahah* (pengajaran secara lisan dan berhadapan dengan guru) dan *tasmi'* (penyemakan hafazan). Kedua-dua kaedah ini merupakan elemen utama dalam pengajaran tahfiz yang tidak hanya menekankan kepada aspek hafazan, tetapi juga membantu kepada pembentukan akhlak dan penguasaan ilmu yang mendalam. Puente (2012) melalui model SAMR (*Substitution, Augmentation, Modification, and Redefinition*) memberikan satu kerangka kerja yang boleh digunakan untuk mengukur tahap integrasi teknologi dalam pendidikan. Dalam model ini, penggunaan teknologi bermula pada tahap Substitusi, di mana teknologi hanya menggantikan alat tradisional tanpa mengubah cara pelajaran dijalankan, hingga ke tahap Modifikasi, di mana teknologi digunakan untuk mempertingkatkan reka bentuk tugas dan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar. Bagi pengajaran tahfiz, kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru berada pada tahap *Augmentation* dan *Modification*, di mana teknologi digunakan untuk membantu meningkatkan kualiti hafazan, namun tidak mengubah sepenuhnya kaedah pengajaran yang telah ada.

Walaupun teknologi ini dilihat dapat membantu meningkatkan proses pengajaran tahfiz, kajian oleh Ahmad dan Zakaria (2020) menunjukkan beberapa cabaran besar yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan teknologi dalam kelas tahfiz. Kekurangan latihan profesional dalam penggunaan teknologi menyebabkan guru sukar untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi dalam pengajaran. Ini juga memperlihatkan bahawa banyak guru masih tidak memiliki pengetahuan atau kemahiran yang mencukupi dalam memilih dan menggunakan aplikasi atau alat digital yang dapat membantu dalam memperbaiki proses hafazan. Di samping itu, masalah lain yang dihadapi ialah kemudahan internet yang lemah di beberapa kawasan terutamanya di kawasan luar bandar. Akses internet yang tidak stabil atau terhad menghalang keberkesanan pengajaran tahfiz yang dijalankan secara dalam talian yang akhirnya memberi kesan kepada kualiti pembelajaran pelajar.

Selain itu, ketiadaan bahan bantu pengajaran digital yang sistematik dan sesuai untuk pendidikan tahfiz juga menjadi halangan yang besar. Dalam kajian yang dijalankan oleh Hassan dan Jamil (2019), mereka mencadangkan pembangunan modul digital berasaskan tajwid dan sebagai salah satu pendekatan untuk membantu pelajar visual dan kinestetik dalam proses hafazan. Modul-modul ini direka untuk memberi sokongan tambahan kepada pelajar yang lebih cenderung kepada gaya pembelajaran visual dan kinestetik, di mana mereka dapat

memanfaatkan aplikasi atau bahan bantu digital yang memperlihatkan cara tajwid yang betul serta teknik *murajaah* yang berkesan. Namun, untuk mengembangkan modul digital yang efektif banyak aspek teknikal dan pedagogi yang perlu diambil kira, termasuk cara untuk menyampaikan bahan tersebut agar sesuai dengan tahap kefahaman pelajar dan seterusnya dapat memperkuat hafazan mereka secara sistematik.

Secara keseluruhan walaupun integrasi teknologi dalam pengajaran tahfiz berpotensi untuk memperbaiki proses pembelajaran, ia perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan teliti. Tanpa pelaksanaan yang menyeluruh, integrasi teknologi dalam pengajaran tahfiz boleh membawa cabaran teknikal, pedagogi dan psikologi yang serius kepada guru dan pelajar. Oleh itu, bagi memastikan teknologi memberikan impak positif dalam pendidikan tahfiz, latihan profesional untuk guru, penyediaan infrastruktur teknologi yang mencukupi dan pembangunan bahan pengajaran digital yang sistematik dan menarik adalah sangat penting. Dengan langkah-langkah ini, teknologi dapat digunakan secara efektif tanpa mengganggu keaslian kaedah tradisional yang sudah terbukti berkesan dalam pengajaran tahfiz al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka cabaran guru dalam mengintegrasikan teknologi digital dalam pengajaran tahfiz al-Quran di Sekolah Rendah Tahfiz al-Quran Integrasi Al-Irshad. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh kefahaman yang mendalam dalam konteks sebenar pelaksanaan tahfiz digital. Seramai tiga orang guru Pendidikan Islam yang berpengalaman dalam pengajaran tahfiz dan penggunaan teknologi telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah pensampelan bertujuan. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan keterlibatan aktif mereka dalam penggunaan teknologi semasa sesi pengajaran tahfiz. Ketiga-tiga peserta telah diberikan kod khusus, iaitu Guru L1 (GL1), Guru L2 (GL2), dan Guru L3 (GL3), bagi tujuan analisis dan pelaporan data secara anonim dan etika.

Data dikumpul melalui temubual separa berstruktur bagi membolehkan peserta berkongsi pengalaman secara terbuka dan reflektif. Soalan temubual memberi tumpuan kepada pelbagai cabaran termasuk isu teknikal seperti kekurangan peranti dan capaian internet yang lemah, cabaran pedagogi dalam menyesuaikan teknik hafazan dengan teknologi, cabaran psikologi yang melibatkan masalah disiplin pelajar, serta kekangan latihan profesional dalam kalangan guru. Semua temubual dirakam, ditranskrip, dan dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis tema berpanduan Braun dan Clarke (2006). Proses analisis melibatkan pengkodan data, pengelompokan kepada tema utama, dan semakan berulang bagi memastikan ketepatan analisis.

Bagi menjamin kualiti dapatan, penyelidik melaksanakan semakan peserta, mendokumentasikan proses penyelidikan secara sistematik dan mendapatkan semakan rakan penyelidik bagi memastikan ketepatan dan kesahihan analisis data.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam

pengajaran tahfiz digital di Sekolah Rendah Tahfiz al-Quran Integrasi Al-Irshad dengan memberi tumpuan khusus kepada beberapa isu utama yang dikenal pasti semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, terdapat empat tema utama yang memberi impak kepada kelancaran dan keberkesanan pengajaran tahfiz digital adalah seperti jadual 1.0 yang berikut :

Jadual 1.0 Rumusan Tema Bagi Kategori Cabaran Guru-Guru Dalam Pengajaran Tahfiz Digital

Kategori	Tema
Cabaran Guru-Guru Dalam Pengajaran Tahfiz Digital	Kekurangan Peranti Dan Capaian Internet
	Isu Disiplin Dan Tumpuan Pelajar
	Kekangan Masa Dan Kreativiti Guru
	Kurang Latihan Profesional

Sumber : Data Temubual Cabaran Guru-Guru Dalam Pengajaran Tahfiz Digital

Kekurangan Peranti dan Capaian Internet

Cabaran paling ketara dalam pengajaran tahfiz digital adalah kekurangan peranti mencukupi untuk pelajar serta capaian internet yang tidak stabil, khususnya di kawasan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sering terpaksa berkongsi peranti seperti komputer riba atau telefon pintar menyebabkan gangguan kepada kelancaran proses pembelajaran. Aktiviti penting seperti *tasmi'* rakaman atau kuiz atas talian menjadi sukar dilaksanakan secara efektif. GL1 menyatakan:

"Peranti pelajar biasanya kongsi... paling tidak satu laptop kongsi dua orang."

Situasi ini menghalang pelajar daripada mengikuti pembelajaran secara individu mengikut kadar sendiri, sekaligus melambatkan tempo pembelajaran dan mengurangkan keberkesanan penggunaan teknologi dalam kelas. Kajian oleh Hassan dan Jamil (2019) turut menegaskan bahawa pemilikan peranti individu merupakan faktor utama dalam memastikan pembelajaran digital dapat dilaksanakan dengan efektif. Justeru, penyediaan peranti mencukupi dan penambahbaikan infrastruktur internet harus menjadi keutamaan agar proses pengajaran tahfiz digital tidak terjejas.

Isu Disiplin dan Tumpuan Pelajar

Dalam konteks pembelajaran dalam talian, pelajar lebih mudah terganggu dan kurang fokus kerana ketiadaan pemantauan langsung guru. GL2 berkongsi bahawa beliau mengaplikasikan kaedah pengurusan masa "5-1-5" untuk mengekalkan tumpuan pelajar, di mana setiap pelajar diberikan giliran lima minit pembelajaran diikuti satu minit rehat sebelum bertukar kepada pelajar seterusnya. Menurut GL2:

"Saya guna kaedah 5-1-5... 5 minit sorang, 1 minit rehat, kemudian tukar orang lain."

Pendekatan ini dilihat membantu pelajar mengekalkan fokus dalam tempoh masa pendek yang terkawal, sekaligus mengurangkan kebosanan dan gangguan perhatian. Kajian oleh Muilenburg dan Berge (2017) juga menyatakan bahawa pengurusan disiplin dalam pembelajaran digital memerlukan pendekatan yang terstruktur termasuk penetapan peraturan dan kaedah kawalan masa yang sesuai dengan tahap perkembangan pelajar.

Kekangan Masa dan Kreativiti Guru

Guru-guru menghadapi cabaran dalam merancang dan menghasilkan bahan pengajaran digital yang menarik secara konsisten. GL2 menyatakan bahawa beliau perlu sentiasa menghasilkan idea baharu agar pelajar tidak bosan dan kekal bermotivasi. Menurut GL2:

"Setiap minggu nak fikir idea baru untuk murid. Kita kena jadi kreatif supaya pelajar tak bosan."

Namun, kekangan masa dan kekurangan latihan serta sumber menyebabkan guru kurang berdaya untuk menghasilkan bahan yang inovatif. Ini menunjukkan keperluan terhadap latihan dan sokongan yang lebih tersusun bagi membantu guru meningkatkan kreativiti dalam pengajaran. Keengwe et al. (2013) turut menjelaskan bahawa tanpa sokongan latihan berterusan, guru sukar untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi dalam bilik darjah. Maka, penyediaan latihan yang menyeluruh dan sistem sokongan bahan digital amat penting bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran tahfiz digital.

Kurangnya Latihan Profesional

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru-guru masih belum mendapat pendedahan kepada teknologi canggih dalam pendidikan seperti kecerdasan buatan (AI) atau realiti terimbuh (AR). GL3 melaporkan bahawa walaupun kursus asas seperti *Canva* dan *Quizziz* ada ditawarkan, namun latihan mendalam dalam teknologi yang lebih berkeupayaan tinggi belum dilaksanakan. Menurut GL3:

"Kami ada kursus dua kali sebulan... guna Canva, Quizziz. Tapi kursus macam AI belum lagi."

Latihan asas ini penting tetapi untuk menghasilkan pengajaran digital yang lebih interaktif dan berkesan, guru perlu dilatih dalam teknologi yang lebih maju. Harris et al. (2020) menekankan bahawa pendedahan kepada teknologi pendidikan yang komprehensif dapat meningkatkan keyakinan guru dan memberi mereka lebih banyak pilihan dalam merancang pengajaran berasaskan digital. Oleh itu, pelaburan dalam latihan teknologi canggih amat diperlukan untuk melonjakkan mutu pengajaran tahfiz dalam era digital.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mengenal pasti empat cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan pengajaran tahfiz digital. Setiap cabaran memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar. Justeru, usaha bersepadu perlu diambil untuk menangani cabaran bagi memastikan transformasi pengajaran tahfiz digital dapat direalisasikan dengan lebih berkesan dan lestari.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian, beberapa cadangan praktikal dan strategik telah dikenal pasti bagi memastikan pembelajaran tahfiz dalam era digital dapat dilaksanakan secara holistik dan berkesan. Setiap cadangan ini disertakan dengan mekanisme pelaksanaan yang bersesuaian serta disokong oleh aplikasi sedia ada bagi menunjukkan keberkesanan dan keperluan pelaksanaannya dalam konteks pendidikan Islam masa kini.

Pembangunan Modul Tahfiz Digital Nasional yang merangkumi aplikasi interaktif dan latihan kemahiran guru

Modul ini boleh direalisasikan melalui kerjasama antara Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), institusi tahfiz negeri dan pakar teknologi pendidikan. Kandungan modul harus merangkumi elemen interaktif seperti latihan tajwid digital, permainan hafazan (gamification), sistem penilaian sendiri dan analitik prestasi pelajar. Program seperti Kelas Digital al-Quran anjuran JAKIM dan platform eTahfiz oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas telah menunjukkan keberkesanan penggunaan aplikasi seperti e-Hafiz dan Tilawah.my dalam membantu pelajar mengulang hafazan serta meningkatkan motivasi mereka (Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, 2022). Keberkesanan modul ini boleh dinilai melalui analisis data prestasi pelajar yang dijana oleh sistem, tahap penggunaan guru melalui log aktiviti, serta maklum balas daripada pengguna termasuk guru, pelajar dan ibu bapa. Menurut Harris et al. (2020), latihan teknologi pendidikan yang menyeluruh bukan sahaja meningkatkan kemahiran guru, malah memberi keyakinan kepada mereka untuk menerapkan teknologi secara berkesan dalam pengajaran.

Penubuhan Komuniti Profesional Guru Tahfiz Digital untuk Perkongsian Amalan Terbaik

Komuniti ini boleh ditubuhkan dalam bentuk maya atau fizikal di bawah pemantauan KPM, JAKIM atau NGO pendidikan Islam. Platform seperti *Google Classroom*, *Telegram* dan portal khusus boleh dijadikan medium interaktif untuk guru berkongsi bahan, strategi dan pengalaman. Contohnya, Komuniti Pendidikan Islam Digital Malaysia (KPIDM) di *Telegram* telah menjadi pusat rujukan dan perkongsian efektif dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Muilenburg dan Berge (2017) menegaskan bahawa kolaborasi profesional dalam komuniti pendidikan bukan sahaja memperkaya pengalaman pengajaran, tetapi juga meningkatkan penerimaan guru terhadap penggunaan teknologi secara berterusan. Penilaian keberkesanan komuniti ini boleh diukur melalui jumlah ahli aktif, tahap interaksi, kekerapan sesi latihan atau

bengkel yang dianjurkan, serta inovasi bahan ajar yang dihasilkan oleh ahli. Kajian tindakan oleh guru juga dapat menunjukkan perubahan signifikan dalam pendekatan pengajaran selepas menyertai komuniti ini.

Penyediaan Insentif dan Geran Pembangunan Bahan Digital kepada Guru

Pihak berwajib disarankan menyediakan dana atau skim geran mikro yang menyasarkan guru yang menghasilkan bahan ajar digital berkualiti seperti video interaktif, modul e-hafazan dan permainan dalam talian. Sebagai contoh, Geran Inovasi Pendidikan (GIP) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya menggalakkan penghasilan bahan digital inovatif oleh guru dan pengiktirafan hasil inovasi ini diangkat ke peringkat kebangsaan. Keengwe et al. (2013) menunjukkan bahawa pemberian insentif mampu meningkatkan motivasi guru untuk menggunakan teknologi secara efektif dalam kelas serta merangsang kreativiti dalam menghasilkan bahan pengajaran. Keberkesanan pelaksanaan ini boleh dilihat melalui bilangan bahan digital yang dibangunkan dan digunakan dalam bilik darjah, peningkatan penggunaan teknologi dalam sesi pengajaran serta pencapaian pelajar dalam kemahiran hafazan dan tajwid.

Penyesuaian Kurikulum Agar Menyokong Integrasi Teknologi Secara Realistik dan Bersesuaian dengan Konteks Murid Sekolah Rendah

Kurikulum tahfiz sedia ada perlu disusun semula secara berperingkat bagi memastikan integrasi teknologi berlaku tanpa mengabaikan prinsip asas hafazan tradisional. Kandungan kurikulum harus disesuaikan mengikut tahap perkembangan pelajar sekolah rendah, dengan pengenalan kepada aplikasi latihan hafazan asas sehinggalah kepada penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI) dan realiti terimbu (AR) dalam tajwid dan pembetulan bacaan. Beberapa institusi seperti Sekolah Rendah Islam Al-Amin dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) telah melaksanakan pendekatan kurikulum integrasi yang menggabungkan teknologi dalam pembelajaran tahfiz. Menurut Al-Harbi dan Al-Zahrani (2019), integrasi teknologi dalam kurikulum perlu dilakukan secara teliti agar ia selari dengan konteks pelajar dan memberikan kesan positif terhadap pencapaian akademik serta pembangunan sahsiah mereka. Penilaian keberkesanan penyesuaian kurikulum ini boleh dilakukan melalui peningkatan kadar hafazan pelajar, maklum balas guru terhadap silibus baharu dan kajian perbandingan prestasi pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan kurikulum yang disemak.

Kesimpulannya, cadangan-cadangan ini bukan sahaja praktikal malah disokong oleh bukti kejayaan pelaksanaan di institusi lain. Justeru, pelaksanaannya perlu dipantau dengan instrumen penilaian yang sistematik seperti rubrik pemantauan guru, analitik penggunaan digital dan penilaian impak terhadap pembelajaran pelajar. Kerjasama strategik antara pihak sekolah, kementerian dan komuniti pendidikan amat diperlukan bagi menjayakan transformasi pengajaran tahfiz yang lebih relevan, inovatif dan berkesan dalam era digital masa kini.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menggariskan peranan penting guru Pendidikan Islam dalam menjayakan

transformasi tahfiz digital, yang semakin relevan dalam konteks pendidikan abad ke-21. Guru-guru tidak hanya berfungsi sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai agen perubahan yang memerlukan sokongan penuh untuk memastikan pengajaran tahfiz dapat dilaksanakan dengan berkesan di era digital. Walaupun teknologi menawarkan peluang yang besar dalam memperkaya pengalaman pembelajaran, ia juga datang dengan cabaran-cabaran tersendiri yang memerlukan perhatian serius.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran yang meliputi aspek teknikal, pedagogi dan emosi. Dari segi teknikal, kekurangan peranti dan capaian internet yang tidak stabil menghalang kelancaran pembelajaran terutamanya dalam konteks aktiviti yang memerlukan interaksi digital yang lebih mendalam. Di samping itu, cabaran pedagogi yang melibatkan kreativiti dalam penyediaan bahan pengajaran dan masalah disiplin pelajar dalam pembelajaran dalam talian turut memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran tahfiz digital. Aspek emosi juga tidak kurang penting di mana guru-guru memerlukan sokongan mental dan motivasi untuk terus berinovasi dalam penggunaan teknologi walaupun menghadapi pelbagai tekanan.

Penemuan ini menggariskan bahawa jika cabaran-cabaran ini tidak ditangani dengan efektif, pelaksanaan pengajaran tahfiz berasaskan teknologi akan menjadi terbantut dan tidak mencapai objektif pendidikan Islam yang sebenar. Pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk akhlak dan pemahaman agama yang mendalam dan teknologi, jika digunakan dengan bijak seharusnya menjadi alat yang memperkaya pengalaman tersebut. Namun, tanpa penyediaan infrastruktur yang kukuh, latihan yang mencukupi dan sokongan yang berterusan, usaha ini mungkin tidak akan mencapai potensi sepenuhnya.

Sebagai penutup, untuk memastikan keberhasilan transformasi tahfiz digital dalam pendidikan Islam adalah penting bagi pihak berwajib untuk menyediakan sokongan yang menyeluruh. Ini termasuklah peningkatan infrastruktur teknologi, latihan profesional yang lebih mendalam serta penyediaan sumber yang relevan dan mesra pengguna bagi guru-guru dan pelajar. Dengan sokongan yang tepat, guru-guru dapat menjalankan peranan mereka sebagai penggerak utama dalam pendidikan tahfiz yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan zaman digital. Secara keseluruhannya, hanya dengan sokongan yang berterusan dalam aspek teknikal, pedagogi, dan emosi, barulah pendidikan tahfiz digital dapat berkembang dengan pesat dan mencapai objektif pendidikan Islam yang sebenar iaitu melahirkan generasi al-Quran yang berilmu dan bertakwa.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2020. Pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam era digital: Cabaran dan peluang. *Jurnal Pendidikan Islam*, 30(1): 15–25.
- Ahmad, A., & Zakaria, N. 2020. Cabaran guru dalam melaksanakan teknologi dalam kelas tahfiz. *Jurnal Pendidikan Islam*, 12(1): 45–60.
- Al-Harbi, K., & Al-Zahrani, A. 2019. Integration of technology into the curriculum of Islamic education: A case study. *International Journal of Instruction*, 12(1): 123–138.
- Al-Harbi, K., & Al-Zahrani, A. 2019. Internet connectivity and its impact on digital learning in the Middle East: A study of e-learning platforms. *Journal of Educational Technology*,

- 38(1): 49–64.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Harris, J., Mishra, P., & Koehler, M. 2020. Teachers' technological pedagogical content knowledge and learning activity types: Curriculum-based technology integration reframed. *Journal of Research on Technology in Education*, 53(1): 1–16.
- Hassan, M. H., & Jamil, M. H. 2019. Pembangunan modul digital berasaskan tajwid dan murajaah untuk pelajar visual dan kinestetik. *Jurnal Pendidikan Tahfiz*, 7(2): 88–102.
- Keengwe, J., Onchwari, J., & Wachira, P. 2013. Computer science teacher training: The role of computer technology in the 21st century classroom. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 6(1): 27–40.
- Mohd Faiz, M., & Ramlah, A. 2021. Penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran tahfiz: Kajian kes di Sekolah Rendah Integrasi Tahfiz. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 17(1): 35–50.
- Muilenburg, L. Y., & Berge, Z. L. 2017. Revisiting teacher participation in asynchronous discussions: An exploratory study. *Online Journal of Distance Learning Administration*, 20(2): 1–14.
- Nawi, A., Hamzah, M. I., & Rahim, S. A. 2018. Penggunaan teknologi dalam pendidikan tahfiz: Kepentingan talaqqi dan tasmi'. *Jurnal Pendidikan Islam*, 36(2): 55–70.
- Norazah Nordin, R., Abdul Rani, M. S., & Salleh, N. A. 2022. Pendidikan tahfiz era digital: Cabaran dan peluang untuk guru-guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran*, 39(3): 65–78.
- Norazah Nordin, R., et al. 2022. Pendidikan tahfiz era digital: Cabaran dan peluang untuk guru-guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran*, 39(3): 65–78.
- Puentedura, R. R. 2012. SAMR model: Substitution, augmentation, modification, and redefinition. HippoCampus Learning Technologies. <https://hippasus.com/resources/>
- Yayasan Warisan Ummah Ikhlas. 2022. *eTahfiz platform report*. Shah Alam: YWUI Publication.